

## **Persepsi Guru Pelatih KDPM Maktab Perguruan Batu Lintang Terhadap Keberkesanan Kerja Kursus Berasaskan Ilmu (KKBI)**

**Ivy Teo, Patmah Bustaman,  
Sardi Ahmad, Azhar Md. Sabil**

Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti persepsi guru pelatih mengenai keberkesanan proses pelaksanaan KKBI. Di samping itu, kajian ini juga ingin meneliti sejauh mana pelaksanaan KKBI dapat memberi manfaat kepada guru pelatih dari segi pemerolehan, penguasaan serta pemindahan ilmu dari perspektif guru pelatih dan pensyarah. Populasi kajian terdiri daripada 221 orang guru pelatihambilan Januari 2003, Julai 2003 dan Januari 2004, manakala populasi pensyarah adalah seramai 23 orang. Data dikutip melalui 2 set soalan yang dilaksanakan pada bulan Mei 2005. Berdasarkan dapatan, guru pelatih menyatakan bahawa proses pelaksanaan KKBI adalah hampir berkesan (min 2.87), manakala pelaksanaan KKBI yang memberi manfaat kepada mereka dari segi pemerolehan, penguasaan serta pemindahan ilmu pula adalah berkesan (min 3.12). Dapatan ini adalah selaras dengan data yang dikutip daripada pensyarah yang menyatakan bahawa KKBI sebenarnya adalah berkesan dalam membantu guru pelatih memperoleh, menguasai serta memindahkan ilmu kepada situasi sebenarnya.

---

*Jurnal Penyelidikan MPBL, 7, 16-31*

## **Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak: Satu Analisis Sintaksis**

**Tay Meng Guat**

Kajian ini merupakan kajian awal untuk melihat pemerolehan bahasa kanak-kanak dari segi sintaksis. Subjek kajian ialah seorang kanak-kanak penutur natif bahasa Iban dari kawasan Bahagian Dua-Betong. Data yang digunakan untuk analisis kajian ialah data autentik yang diperoleh melalui rakaman audio. Data dianalisis berdasarkan tiga ciri utama aspek sintaksis iaitu panjang ayat, struktur sintaksis dan jumlah ujaran setiap giliran bertutur. Pengiraan Min Panjang Ujaran atau Mean Length of Utterance (MLU) mengikut Brown's Stages of Development digunakan untuk menentukan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak berkenaan.

---

*Jurnal Penyelidikan MPBL, 7, 87-108*

## **Cabaran Guru Sandaran Terlatih di Sekolah**

**Siti Zohara Binti Yassin**

Sebagai seorang guru yang baru di tempatkan di sesebuah sekolah, Guru Sandaran Terlatih (GST) menghadapi pelbagai cabaran. Fokus kajian ini adalah meninjau cabaran yang dihadapi oleh GST apabila ditempatkan di sekolah. Kajian kualitatif ini dijalankan lima bulan pertama GST berada di sekolah. Temu bual, pemerhatian dan catatan buku rekod adalah sumber data dalam kajian ini. Antara cabaran yang dihadapi oleh GST ialah perkara yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan penerimaan komuniti sekolah. Dapatan kajian ini mendapati GST tidak bersedia apabila ditugaskan mengajar mata pelajaran bukan opsyen dan, mengajar kelas peperiksaan. Semua GST didapati tidak mempunyai pengetahuan dan tidak berminat apabila ditugaskan mengajar mata pelajaran bukan opsyen. Tetapi dalam menguruskan aktiviti sekolah, didapati GST mampu menjalankan tanggungjawab dengan baik dan menunjukkan pretasi yang membanggakan.

---

*Jurnal Penyelidikan MPBL, 7, 123-132*

## **Promoting Self-Regulated Learning: A Two-Pronged Approach**

**Mary Wong Siew Lian**

This article discusses the construct self-regulated learning (SRL) and how it can be developed and acquired among students. Self-regulated learning is defined and the characteristics by which self-regulated learners can be identified are discussed. The social cognitive view of SRL according to Bandura (1986), which proposed that SRL is influenced by personal, behavioral and environmental processes in reciprocal fashion, is presented. Development and acquisition of SRL strategies through explicit or implicit teaching, observation, and trial-and-error experimentation are also discussed. Findings on the factors that influence SRL are reviewed. This article ends by putting forward a two-pronged approach for promoting SRL among school students. Implications and suggestions for further research are put forward.

---

*Bicara Pendidik, 45-66*

## **Penglibatan Guru Pelatih KPLI Maktab Perguruan Batu Lintang dalam Amalan Gaya Hidup Mesra Alam**

**Tiwi Kamidin  
Nor Aznan Mahmood  
Tay Teck Pin**

Masalah degradasi alam sekitar tidak dapat diselesaikan dengan hanya melalui invensi teknologi atau biologi. Oleh itu, Pendidikan Alam Sekitar diperkenalkan di peringkat sekolah mahupun Maktab Perguruan sebagai salah satu langkah jangka panjang untuk menerapkan kesedaran serta meningkatkan komitmen dalam pemeliharaan alam sekitar termasuk dalam amalan gaya hidup mesra alam. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap penglibatan guru pelatih dalam Amalan Gaya Hidup Mesra Alam. Melalui kajian ini juga tahap penilaian sendiri guru pelatih dalam mengintegrasikan alam sekitar dalam kehidupan dapat diketahui. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam dengan jantina, bangsa, jenis kursus dan pengkhususan di universiti. Ini membawa makna bahawa dimensi struktural kurang mempengaruhi komitmen penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam. Namun, dapatan menunjukkan terdapat perkaitan pada nilai Pearson  $r = .453, p < .001$ , antara penilaian sendiri dengan penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam. Implikasi kajian terhadap kurikulum Pendidikan Alam Sekitar juga dibincangkan. Selain itu, cadangan kajian untuk masa depan dicadangkan dalam kajian ini.

---

*Jurnal Penyelidikan MPBL, 7, 1-15*

### **“Conflict of Two Rights” when using Participants’ Data in Action Research Report: Reflection of the Little Voice of an Action Researcher (4)**

**Chuah Kim Hwa**

A researcher encounters various ethical issues and dilemmas throughout the various stages in research. At times, such encounters involved what Frankfort-Nachmias and Nachmias (in Cohen & Manion, 1994) named as “conflict of two rights”. This paper highlights “conflict of two rights” that I encountered in the process of using participants’ data in AR reports and how I addressed them.

---

*Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan 2006 IP Sarawak, Miri, 1: 1-10*

## **Sample Size Estimation Using Krejcie and Morgan and Cohen Statistical Power Analysis: A Comparison**

**Chua Lee Chuan**

In most situations, researchers do not have access to an entire statistical population of interest partly because it is too expensive and time consuming to cover a large population or due to the difficulty to get the cooperation from the entire population to participate in the study. As a result, researchers normally resort to making important decisions about a population based on a representative sample. Hence, estimating an appropriate sampling size is a very important aspect of a research design to allow the researcher to make inferences from the sample statistics to the statistical population. The power of a sample survey lies in the ability to estimate an appropriate sample size to obtain the necessary data to describe the characteristics of the population. With that as the rationale, this article was written to make comparison between two commonly used approaches in estimating sampling size: Krejcie and Morgan and Cohen Statistical Power Analysis. It also highlights the significance of using Cohen's formula over Krejcie and Morgan's for higher accuracy to base decisions on research findings with confidence.

---

*Jurnal Penyelidikan MPBL, 7, 78-86*

## **Looking for Focus in Educational Action Research (A revisit by the Little Voice of an Action Researcher in the Journey of Understanding)**

**Chuah Kim Hwa**

In my paper "Needle in a haystack: Looking for focus (Little voice of an action researcher: The journey of understanding 2)", I have discussed various ways in looking for focus when doing action research (AR) which were discovered through my own experiences in doing AR and facilitating AR courses. In this paper, I would like to revisit and reflect on them and relate how these experiences could assist teachers and educators in looking for focus when doing AR in their own classroom. There are various approaches in starting to look for focus in AR. Upon reflection, two such approaches are proposed. They are more favorable due to the nature and paradigm of AR itself.

---

*Bicara Pendidik 2006, 127-130*

## **Kecekapan Guru Pelatih dalam Pengajaran dan Pembelajaran Membaca Bahasa Cina**

**Lam Yat Chaw  
Yau Yee Shin  
Yeo Chui Eng  
Chew Chui Kian  
Lee Sung Ping  
Lee Vui Lin**

Kajian ini bertujuan meneliti tahap penguasaan guru pelatih dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p) membaca dari perspektif pensyarah pembimbing. Borang soal selidik mengandungi 18 item untuk mengutip data kajian. Item-item kajian merangkumi p&p perbendaharaan kata, p&p ayat, p&p perenggan teks dan p&p membaca/melafaz, penggunaan papan hitam semasa p&p membaca dan penilaian dalam p&p membaca. Data dianalisis dengan menggunakan SPSS bagi mendapat min dan sisihan piawai. Tahap penguasaan p&p Perbendaharaan Kata dan p&p Perenggan Teks adalah paling memuaskan (min 3.39) berikutan dengan penggunaan papan hitam semasa p&p Membaca dan Penilaian dalam p&p Membaca (min 3.25) manakala tahap penguasaan dalam p&p Membaca / Melafaz dan p&p Ayat pula kurang memuaskan dengan min 3.06 dan 2.75 masing-masing.

---

*Jurnal Penyelidikan MPBL, 7, 48-54*

## **Preference and Perceptions of LPBS TESL (Primary) Participants on On-Line Conferencing**

**Fraulein Angking  
Alyssa So Suez Pink**

This paper presents the findings on the study of the preferred mode of on-line conferencing by LPBS participants with the MPBL college lecturers. Being an on-going research, the study acts as a starting point to aid the participants as they undertake this 1½-year ESL programme. In doing so, the study hopes to shed some light on some of the problems they encountered and to reflect on how these strategies may help lecturers to carry out these conferencing/tutorial sessions, more effectively. The survey method was used to collect data on participants' background information which comprised 20 participants. Course participants' preferred choice of conferencing mode were obtained through the administration of a questionnaire. Data obtained from the 20 participants were collected and analysed quantitatively and qualitatively. Percentage and frequency count were computed to study participants' choice of mode. Data based on the open-ended questions given to the participants in the questionnaires were analysed qualitatively. From the findings, the study showed that conferencing through e-mail is the most preferred mode of on-line communication by LPBS participants with the MPBL college lecturers in enabling participants to cope with the demands of the programme. However, from the open-ended questions, respondents are of the opinion that there is an urgent need to improve on the availability and accessibility of support facilities at the school level to facilitate programme delivery.

---

*Jurnal Penelitian MPBL, 7, 55-60*

## **Perkaitan Antara Pengetahuan dan Sikap Terhadap Alam Sekitar di Kalangan Guru Pelatih Maktab Perguruan Batu Lintang**

**Tiwi Kamidin**

Model pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar di sekolah mahupun di Maktab Perguruan menekankan pemberian input pengetahuan mengenai konsep-konsep asas alam sekitar sebagai asas perubahan sikap terhadap alam sekitar. Diharapkan peningkatan pengetahuan mengenai alam sekitar akan membantu mengubah sikap pelajar mahupun guru pelatih terhadap alam sekitar khususnya dalam pemeliharaan alam sekitar. Dapatan kajian yang menunjukkan wujud perkaitan positif yang lemah ( $r = 0.234$ ,  $p < .001$ ) antara pengetahuan dan sikap terhadap alam sekitar akan dibincangkan. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan wujud perbezaan sikap terhadap alam sekitar di antara jantina dan jenis kursus. Namun tidak wujud perbezaan pengetahuan mengenai alam sekitar di antara jantina. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan pengetahuan dan sikap antara KPLI dengan KDPM. Dapatan kajian juga mendapati jantina tidak mempengaruhi kolerasi pengetahuan dan sikap. Walau bagaimanapun, kohort kursus khususnya KDPMambilan Januari 2003 mempengaruhi kolerasi pengetahuan dan sikap. Implikasi dan cadangan kajian akan datang juga akan dibincangkan.

---

*Jurnal Penyelidikan MPBL, 7, 61-77*

## **Teacher Competency as Perceived by Pre-Service Teachers**

**Chua Lee Chuan**

Preparing pre-service teachers is a major concern for teacher trainers in teaching institutions. Arising from this concern, this article was written to highlight the level of teacher competency acquired by pre-service teachers upon completion of 3 years of teacher training. Data for the study were collected from 248 pre-service teachers, using self-administered questionnaires. Descriptive statistics such as frequency, percentages, means and standard deviations were used to analyze the data. Results revealed that these teachers perceived themselves as having high competency in all the four competencies investigated: teaching, assessing students' performance, information technology and professionalism. Based on the statistical results, implications of the findings were discussed and suggestions on future research were also provided. This study provided useful insights aimed to benefit teacher trainers in their preparation for high quality, competent teachers for the teaching workforce.

---

*Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru, 2, 83-94*

## **Development of a Teachers' Rating Scale for Measuring Secondary School Students' use of Self-Regulated Learning Strategies**

**Mary Wong Siew Lian**

Over the past two decades, researchers of self-regulated learning (SRL) have measured SRL as (i) an event, that is, focusing on the strategies students use as they perform specific academic tasks, or (ii) an aptitude, that is, using a single measurement to abstract some quality of SRL based on multiple SRL events. Various methods have also been used to identify and assess student SRL strategies in intervention as well as naturalistic settings. These methods include structured interviews, questionnaires, observations, and teachers' ratings. This article details the development of a teachers' rating scale for measuring secondary school students' use of SRL strategies in learning science. Steps in the formulation of the contents of the scale, pilot testing, establishing validity, reliability and dimensionality of the scale are presented. In conclusion, the suitability of the scale developed is discussed.

---

*Wacana PROFES, 6, 16-25*



## **Antara Aku, Dia dan Kamu!**

**Chuah Kim Hwa**  
**Rabuyah bt. Bojet**

Kajian kolaboratif telah dijalankan di prasekolah Maktab Perguruan Batu Lintang (MPBL) bagi satu tempoh tertentu berkaitan dengan penggunaan pendekatan tematik dalam pengajaran dan pembelajaran. Tujuannya adalah untuk mengkaji aspek pengajaran dan pembelajaran murid prasekolah hasil daripada pendekatan tematik. Antara teknik mengumpul data yang digunakan ialah analisis kandungan dokumen, pemerhatian menggunakan rakaman video, rakaman gambar dan catatan penyelidik. Pelbagai dapatan yang menarik yang diperolehi daripada kajian kolaboratif ini. Namun, artikel ini memberi tumpuan kepada dapatan luar dugaan hasil daripada kajian ini iaitu cara penyelesaian masalah matematik melibatkan operasi tolak yang berbeza untuk latihan pengayaan yang diberi. Tumpuan adalah pada tiga orang murid prasekolah MPBL. Kes-kes ini mencadangkan cara penyelesaian masalah matematik melibatkan operasi tolak yang berbeza perlu diambil kira dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan untuk murid-murid berkenaan.

---

*Jurnal Penyelidikan MPBL, 7, 32-47*

### **“Conflict of Two Rights” in Educational Action Research: A Meta-analysis on “Situating Ethics” by the Little Voice of an Action Researcher (5)**

**Chuah Kim Hwa**

Various ethical issues and dilemmas are encountered by researchers throughout the various stages in research. At times, such encounters involved “conflict of two rights”, a phrase borrowed from Frankfort-Nachmias and Nachmias (1992) (in Cohen & Manion, 1994: pp 363-365). This paper attempts to “exemplify the interface of ethical practice and educational research” (Simon & Usher, 2000: p 1) through a meta-analysis of action researches that I have been involved in as an action researcher and facilitator since 1995/6. “Situating ethics” involving a few cases are forwarded here to illustrate methodological, curriculum and pedagogical issues and dilemmas related to “conflict of two rights” encountered. How such “conflicts of two rights” were resolved are highlighted too for further discussion.

---

*Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru 2006, 57-64*

## **Tahap Penaakulan Moral Guru Pelatih KDPM dan KPLI di MPBL**

**Margaret Goh Lee Zea  
Chai Sheau Ming  
Ravi Gopal**

Kajian tinjauan ini adalah berdasarkan teori perkembangan moral Kohlberg bagi menentukan peringkat penaakulan moral guru-guru pelatih KDPM PCMT Semester 3 dan 4 dan KPLI SR (PC dan MT) di MPBL. Borang tinjauan yang mengandungi empat cerita berdilemma moral digunakan untuk mengutip data kajian. Pembolehubah bersandar yang dikaji ialah peringkat-peringkat perkembangan moral Kohlberg (1955) sementara pembolehubah demografik yang dikaji adalah tahap akademik dan umur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keempat-empat peringkat penaakulan moral, iaitu peringkat-peringkat 1, 2, 3 dan 4 didapati pada guru pelatih KDPM dan KPLI. Apa yang berlainan ialah peratusan pencapaian peringkat penaakulan moral mengikut kumpulan. Kebanyakan pelatih KDPM (33.5%) berada pada peringkat 2, iaitu tahap prakonvensional, manakala kebanyakan pelatih KPLI (41.7%) berada pada peringkat 3, iaitu tahap konvensional. Lebih ramai guru pelatih KPLI yang bertahap akademik lebih tinggi daripada KDPM telah mencapai peringkat penaakulan moral yang lebih tinggi. Lebih ramai guru pelatih yang berusia lebih tua juga telah mencapai peringkat penaakulan moral yang lebih tinggi berbanding dengan guru pelatih yang berusia lebih muda.

---

*Jurnal Penyelidikan MPBL, 7, 109-122*